



Liberty Mutual Insurance mohon ambil alih syarikat Insurans Malaysia AmGeneral

Noraniza Azmi 15 hrs ago



© Provided by Berita Harian Perancangan pengambilalihan dan penyatuhan operasi tersebut dijangka akan menjadikan Liberty Mutual sebagai sebuah syarikat insurans kendaraan bermotor terbesar di Malaysia

KUALA LUMPUR: Liberty Mutual bakal mengemukakan permohonan kepada pihak berkuasa kawal selia untuk mengambil alih syarikat insurans Malaysia, AmGeneral Insurance Berhad (AmGeneral).

AmGeneral pada masa ini adalah milik 51 peratus AmBank Group dan 49 peratus Insurance Australia Group (IAG).

Tertakluk kepada kelulusan daripada badan pengawalseliaan, Liberty Insurance Berhad akan memperoleh 100 peratus saham AmGeneral dan saham AmBank Group daripada hasil jualan itu dalam bentuk tunai dan saham bersyarat.




© Provided by Berita Harian Image

Ia sekaligus menyumbang 30 peratus kepentingan kepada AmBank Group dalam perniagaan Liberty Insurance Berhad dan AmGeneral.

Operasi AmGeneral dan Liberty Insurance Berhad bakal disatukan secara rasmi pada satu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Berdasarkan data tahun 2020, entiti gabungan yang terhasil daripada penyatuan itu bakal membentuk syarikat insuran kenderaan bermotor terbesar dan insurans am kedua terbesar di Malaysia.

Sebagai sebahagian daripada transaksi tersebut, entiti gabungan yang bakal tercipta akan menjalin kerjasama dalam bankasurans bagi tempoh 20 tahun bersama AmBank Group untuk mengedar produk insurans am.



© Provided by Berita Harian Image

Presiden Pasaran Runcit Global Timur dan Ketua Pegawai Operasi Liberty Mutual, Matt Nickerson, berkata pengembangan dan pelaburan di dalam pasaran insurans antarabangsa adalah penting dalam aspirasi syarikat untuk menjadi peneraju insurans harta dan korban jiwa di peringkat dunia.

"Misi Liberty Mutual adalah untuk membantu orang ramai menikmati hari ini dan mengejar masa depan dengan penuh keyakinan. Ia selari dengan misi AmBank untuk membantu individu dan syarikat di Malaysia berkembang maju serta menang bersama.

"Penggabungan keupayaan global Liberty dengan bahagian pasaran kenderaan bermotor terkemuka AmGeneral merangkumi pengembangan perniagaan dalam rangkaian produk tambahan akan menghasilkan operasi syarikat insurans yang bertaraf dunia," katanya.

AmGeneral telah menceburui pasaran khidmat insurans Malaysia dengan 1,400 kakitangan di 33 cawangan.

Ia adalah sebuah syarikat insurans kenderaan bermotor yang menduduki tangga tiga teratas dengan perniagaan yang berkembang maju dengan rangkaian produk tambahan.

Syarikat ini menawarkan produk insurans peribadi dan komersial di bawah jenama AmAssurance serta Kurnia melalui lebih daripada 6,000 ejen, broker, pengedar kereta, francais dan rakan niaga bersekutu, serta menerusi keupayaan digital yang berkembang pesat dan secara langsung.

Citigroup, Inc. bertindak sebagai penasihat kewangan bagi Liberty Mutual dalam transaksi berkenaan.